

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

PERTANYAAN : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ]

TARIKH : 02.07.2019 (SELASA)

Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penjelasan mengapa isu *profiteering* oleh penjaja dan pengendali makanan yang menaikkan harga masih berleluasa sedangkan harga minyak dan sistem cukai SST sepatutnya mengurangkan kesan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** bagi menentukan kestabilan harga barangan dan perkhidmatan dalam negara melalui pengawalan harga dan caj serta pengawalan pencatutan. Peniaga berhak menentukan keuntungan sesuatu barangan mengikut peruntukan di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018**. Kenaikan harga suatu barangan merupakan asas kepada tindakan pemeriksaan di bawah pencatutan. Peniaga yang dikesan menaikkan peratusan keuntungan **melebihi asas yang telah ditetapkan bagi tahun semasa adalah mencatut** dan akan disiasat melalui mekanisme pencatutan bagi menentukan kesalahan tersebut.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang bermula pada 1 September 2018 yang lalu, Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan berkala di seluruh negara melalui Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan melalui kaedah **pelaksanaan Operasi-operasi Catut**.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Berkenaan isu kenaikan harga barangan, Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan **sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka** di mana **kuasa pasaran** (*market forces*) berperanan sebagai **faktor penentu kepada turun naik harga barangan** di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentuan harga barangan.

Meskipun GST kini berkadar sifar mulai 1 Jun 2018, terdapat beberapa **faktor lain yang turut menyumbang kepada perubahan harga barangan** di pasaran seperti:

- i) faktor permintaan dan penawaran;
- ii) isu rantai bekalan yang kompleks;
- iii) peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- iv) kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia;
- v) sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan; dan
- vi) kegiatan kartel dan monopoli.